

SEJAUH MANA GANGGUAN KEPADA FOKUS PEMBELAJARAN DALAM TALIAN: KAJIAN KES PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Hartyni Binti Mastor¹ and Dicky Wiwitan Toto Ngadiman²

¹Politeknik Kuching Sarawak, Malaysia

hartyni@poliku.edu.my

²Politeknik Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

dicky@polikk.edu.my

Abstract: Pandemik Covid-19 telah memberi kesan besar kepada dunia pendidikan di mana pembelajaran atas talian telah menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Terdapat banyak kelebihan kaedah baru ini dalam pembelajaran seperti pelajar boleh berada di rumah sambil mengikuti pembelajaran seperti biasa. Namun begitu, pembelajaran dalam talian dilihat seakan-akan memberi impak yang negatif terhadap institusi pendidikan. Akhbar sering melaporkan proses pembelajaran dalam talian seakan-akan tidak berkesan kerana sering mengalami gangguan yang mana menyebabkan pelajar tidak fokus ketika sesi pembelajaran. Sejajar dengan itu kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana tahap gangguan menghalang fokus pelajar ketika pembelajaran dalam talian dilaksanakan. Kajian ini melibatkan pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Kuching Sarawak sebagai sampel kajian dan kajian ini dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik secara dalam talian menggunakan “*google form*”. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Hasil kajian menunjukkan tahap gangguan adalah rendah dan tidak mempengaruhi fokus pelajar ketika sesi pembelajaran dijalankan. Kajian ini menunjukkan komuniti sudah mula menerima dan merasakan pembelajaran dalam talian adalah sesuatu yang normal pada masa kini.

Kata Kunci: *pembelajaran dalam talian, online learning, fokus, tahap gangguan, pelajar*

1. Pengenalan

COVID-19 dilihat sebagai suatu pencetus perubahan sistem pendidikan dan pembelajaran di seluruh dunia. Sistem pendidikan menjadi lebih dinamik dan terbuka. Pentadbir sekolah, pegawai teknologi, guru dan pelajar perlu menyesuaikan sistem pengajaran dan pembelajaran dengan situasi semasa yang berlaku semasa pandemik (Wardina et al., (2021) yang bertujuan untuk memastikan proses pembelajaran tidak terhenti dan dalam masa yang sama keselamatan serta kesihatan pelajar terjamin. Oleh itu, pembelajaran dalam talian adalah satu trend baru yang berlaku dalam sektor pendidikan di seluruh dunia (Razak, 2017). Kaedah pembelajaran ini dilakukan melalui internet (Muali et al., 2018). Kemajuan teknologi yang begitu pantas berubah telah memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan dan ianya mempermudah proses pembelajaran (Razak, 2017). Dewasa ini, pendidikan dalam talian juga semakin popular di Institusi Pengajian Tinggi (Saravanan et al., 2021). Kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sekolah di Malaysia tidak mempunyai pilihan selain menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak tertangguh.

Namun begitu terdapat masalah ketika pembelajaran dalam talian berlangsung seperti pelajar tidak menjawab soalan apabila ditanya, tidak menghantar tugas, tidak membuka kamera ketika kelas, kurang interaksi dengan pensyarah dan sebagainya. Senario ini mendatangkan tanda tanya, adakah pelajar tidak dapat memberi fokus terhadap pembelajaran dalam talian atau wujudnya gangguan yang boleh menyebabkan pelajar sukar untuk fokus ketika sesi pembelajaran. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai tahap gangguan yang menghalang kepada fokus pelajar ketika sesi pembelajaran dalam talian berlangsung. Kajian ini juga penting supaya pensyarah dapat mengambil inisiatif untuk memberi galakan dan strategi baru untuk meningkatkan fokus dalam kalangan pelajar.

2. Sorotan Kajian

Gangguan proses pendidikan bermaksud gangguan kerja kelas atau pencerobohan hak pelajar atau sekumpulan pelajar. Gangguan proses pendidikan bermaksud tingkah laku yang menyebabkan gangguan besar atau gangguan material dengan aktiviti sekolah (Kuswadi, 2019). Gangguan tahap rendah boleh memberi kesan negatif yang signifikan terhadap bagaimana pelajar melihat dan berinteraksi dengan guru mereka (Maghfiroh, 2018). Jika hal ini diabaikan, masalah itu dapat berkembang menjadi masalah tingkah laku yang lebih besar yang melemahkan kewibawaan dan membawa kepada kekurangan. Tingkah laku tersebut membuang banyak masa dan memerlukan banyak perhatian guru. Tingkah laku mengganggu dan mengancam, ini dapat mencabar kewibawaan guru dan dapat menimbulkan ketegangan di dalam kelas yang mana mendorong kepada gangguan terhadap pembelajaran.

Pembelajaran dalam talian adalah bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital (Hidayat et al., 2019). Bahan yang disajikan mempunyai grafik visual, kata-kata, animasi, video atau audio. Proses pembelajaran ini dilaksanakan tanpa mengira jarak dan bilangan ahli (Bahrom, 2020). Pembelajaran dalam talian juga ditafsirkan mengikut acuan organisasi dan institusi itu sendiri dan merupakan inovasi dalam sistem pendidikan. Pembelajaran dalam talian jauh lebih berpatutan berbanding pembelajaran fizikal kerana pembelajaran dalam talian mengurangkan sedikit kos (Amin et al., 2021). Pembelajaran dalam talian juga merupakan kaedah terbaik untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sempurna sesuai dengan keperluan setiap pelajar (Hamzah et al., 2016).

Namun bagi kebanyakan pelajar, salah satu cabaran terbesar dalam pembelajaran dalam talian adalah perjuangan dengan memberi tumpuan di dalam proses pembelajaran (Pohan, 2020). Sesetengah berpendapat pembelajaran dalam talian tidak cekap kerana kurangnya minat yang diberikan oleh pelajar dan juga ada fakta menyatakan bahawa fokus pelajar juga terganggu oleh perkara lain. Kurang tumpuan dalam proses pembelajaran itu juga adalah disebabkan masalah kekurangan akses talian internet, tempoh maklum balas yang lama dari pensyarah, kekurangan kandungan pengajaran, mengambil masa yang lama serta kandungan pembelajaran yang kurang menarik. Selain itu juga ada pelajar yang skeptisisme mengenai kepandaian rakan sebaya mereka (Petrides, 2002), masalah dalam berkolaborasi dengan rakan belajar, masalah teknikal (Piccoli et al., 2001); Song et al. (2004), masalah yang berkaitan kepada pengajar (Muilenburg & Berge, 2005), keperluan untuk disiplin yang lebih tinggi, kemahiran menulis, dan motivasi diri serta membuat komitmen masa untuk belajar (Golladay et al. (2000); Serwatka (2003) menganggap gangguan sebagai halangan atau kelemahan pembelajaran dalam talian. Pembelajaran dalam talian juga dikatakan tidak memberikan jaminan bahawa pelajar benar-benar akan memberi perhatian atau melakukan kerja sama sekali.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Sampel kajian merupakan Pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak. Bagi menentukan bilangan responden, menurut Airsian (2003) dan Kothsri (2004), bilangan sampel sebanyak 10 hingga 20 peratus daripada jumlah populasi adalah mencukupi. Seramai 313 dari 727 orang pelajar telah menjawab soal selidik yang diedarkan kepada semua pelajar Jabatan Perdagangan. Lokasi kajian ialah di Politeknik Kuching Sarawak. Item-item kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 yang diadaptasi dari kajian Le Pine et al. (2004) dan Hung et al. (2010). Semua item diukur pada skala *likert* berskala 5 iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Analisis data kajian yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif iaitu untuk mendapatkan skor min menggunakan SPSS v.26.

Jadual 1: Item kajian

Kod item	Item
F1	Saya terpaksa mengurus keluarga di rumah semasa pembelajaran online berlangsung.
F2	Saya terganggu dengan kehadiran keluarga atau adik beradik ketika pembelajaran dalam talian.
F3	Saya tidak bersedia untuk menunjukkan muka ketika pembelajaran online dijalankan
F4	Saya tidak berada di meja belajar semasa pembelajaran atas talian berlangsung (mungkin berada di katil, luar rumah dan sebagainya).
F5	Saya tidak mempunyai tempat belajar yang tetap di rumah
F6	Suasana rumah saya tidak kondusif/sesuai untuk pembelajaran
F7	Saya sering terganggu dengan masalah internet yang tidak baik
F8	Saya tidak dapat mengurus masa pembelajaran dengan baik
F9	saya sering tertinggal kelas online
F10	Saya tidak dapat melaksanakan jadual belajar saya sendiri.
F11	Saya sering menyalahgunakan internet apabila proses pembelajaran secara online.
F12	Saya tidak dapat menguruskan masa dengan baik.
F13	Saya tiada matlamat belajar secara online
F14	Saya terlibat dengan banyak aktiviti luar sekiranya berada di rumah
F15	Saya kekurangan motivasi peribadi untuk pembelajaran dalam talian
F16	Pembelajaran dalam talian mengganggu masa peribadi saya
F17	Persekitaran pembelajaran dalam talian tidak memotivasikan
F18	Saya kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan
F19	Saya selalu stress dengan pembelajaran online
F20	Secara keseluruhannya, saya tidak dapat fokus belajar secara online

Penentuan tahap-tahap dalam analisis item kajian akan diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min	
Skor Min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Dicky et al. (2019)

4. Hasil Kajian

4.1 Analisis Demografi Responden

Berdasarkan kepada Jadual 3, seramai 20.4 peratus sampel daripada kalangan lelaki dan selebihnya adalah perempuan sebanyak 79.6 peratus. Daripada bilangan responden tersebut, sebanyak 63.3 peratus adalah pelajar Diploma Akauntansi dan bakinya iaitu 36.7 peratus merupakan pelajar Diploma Pengajian Perniagaan. Majoriti merupakan pelajar yang tinggal di kawasan bandar dan dibiayai sepenuhnya oleh ibu bapa yang merupakan golongan berpendapatan B40.

Jadual 3: Demografi Responden

	Item	%
Jantina	Lelaki	20.4
	Perempuan	79.6
Program Pengajian	Diploma Akauntansi (DAT)	63.3
	Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	36.7
Kediaman	Bandar	63.9
	Luar Bandar	36.1
Semester Pengajian	Semester 1	34.8
	Semester 2	18.5
	Semester 3	5.8
	Semester 4	34.5
	Semester 5	5.1
	Semester 6	1
	Semester 7 ke atas	0.3

Sumber Kewangan	Bekerja	3.2
	Biasiswa atau Pinjaman Pelajaran	16
	Biasiswa dan Ibu bapa	10.9
	Ibu bapa	70
Pendapatan Ibu bapa	RM100 - RM4,850	81.8
	RM4,851 - RM10,970	16.6
	RM10,970 ke atas	1.6

4.2 Analisis Item Kajian

4.2.1 Nilai Kebolehpercayaan Item

Pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* digunakan untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item dalam instrumen. Menurut Konting et al. (2009) interpretasi nilai alpha adalah seperti berikut:

Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan Item (Cronbach Alpha)

Nilai Alpha Cronbach	Interpritasi
0.91 – 1.00	Sangat Baik
0.81 – 0.90	Baik
0.71 – 0.80	Baik dan boleh diterima
0.61 – 0.70	Boleh diterima
0.01 – 0.60	Tidak boleh diterima

Hasil analisis mendapati bahawa semua 20 item yang diuji memperoleh nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 iaitu 0.938 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Oleh itu, semua item memenuhi kriteria (berdasarkan jadual 4) untuk analisis seterusnya.

Jadual 5: Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Item

Nilai Cronbach's Alpha	Jumlah Item
0.938	20

4.2.2 Ujian Kenormalan Data

Berdasarkan kepada ujian kenormalan menggunakan nilai *skewness* dan *kurtosis* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, semua nilai adalah normal. Julat normal dikira jika nilai kurtosis dan kurtosis berada di dalam julat ± 3.00 di mana jika nilai yang diperoleh adalah > 3 atau < -3 maka item tersebut berada di dalam taburan normal (Kline 2005).

Jadual 6: Ujian Kenormalan Data

	Skewness	Status	Kurtosis	Status
F1	0.092	Normal	-0.661	Normal
F2	-0.018	Normal	-0.983	Normal
F3	-0.087	Normal	-0.674	Normal
F4	0.590	Normal	-0.784	Normal
F5	0.576	Normal	-0.832	Normal
F6	0.247	Normal	-0.866	Normal
F7	-0.340	Normal	-0.993	Normal
F8	0.214	Normal	-0.595	Normal
F9	0.960	Normal	0.329	Normal
F10	0.521	Normal	-0.451	Normal
F11	0.646	Normal	-0.320	Normal
F12	0.363	Normal	-0.725	Normal
F13	0.637	Normal	-0.284	Normal
F14	0.535	Normal	-0.570	Normal
F15	0.294	Normal	-0.749	Normal
F16	0.511	Normal	-0.232	Normal
F17	0.404	Normal	-0.668	Normal
F18	0.722	Normal	-0.267	Normal
F19	0.022	Normal	-0.784	Normal
F20	0.341	Normal	-0.887	Normal

4.2.3 Tahap Gangguan Yang Menghalang Kepada Fokus Pelajar Ketika Sesi Pembelajaran Dalam Talian.

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis skor min bagi 4 item. Item 7 iaitu “Saya sering terganggu dengan masalah internet yang tidak baik” menyumbangkan kepada skor min yang tertinggi iaitu 3.37, diikuti oleh Item 3 iaitu “saya tidak bersedia untuk menunjukkan muka ketika pembelajaran online dijalankan” dengan skor min sebanyak 3.00, Item 19 iaitu “saya selalu stress dengan pembelajaran online” dengan skor min 2.91 dan Item 9 iaitu “saya sering tertinggal kelas online” menyumbangkan skor min 1.95. Secara keseluruhan tahap gangguan tidak menghalang fokus pelajar ketika sesi pembelajaran dalam talian (2.54). Penentuan tahap gangguan ini adalah berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 7: Tahap Gangguan Yang Menghalang Kepada Fokus Pelajar Ketika Sesi Pembelajaran Online

	Std. Deviation	Mean	Tahap
F1	1.114	2.90	Rendah
F2	1.241	2.93	Rendah
F3	1.157	3.00²	Sederhana
F4	1.242	2.30	Rendah
F5	1.324	2.44	Rendah
F6	1.223	2.65	Rendah

F7	1.312	3.37¹	Sederhana
F8	1.119	2.67	Rendah
F9	1.010	1.95⁴	Lemah
F10	1.099	2.40	Rendah
F11	1.079	2.18	Rendah
F12	1.079	2.33	Rendah
F13	1.057	2.16	Rendah
F14	1.170	2.37	Rendah
F15	1.193	2.66	Rendah
F16	1.071	2.38	Rendah
F17	1.202	2.61	Rendah
F18	1.046	2.04	Rendah
F19	1.163	2.91³	Rendah
F20	1.262	2.63	Rendah
Purata		2.54	Rendah

¹Item yang memperoleh skor min tertinggi

²Item yang memperoleh skor min kedua tertinggi

³Item yang memperoleh skor min ketiga tertinggi

⁴Item yang memperoleh skor min terendah

5. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap gangguan yang menghalang kepada fokus pelajar ketika sesi pembelajaran secara dalam talian. Dapatan menunjukkan bahawa tahap gangguan berada pada tahap yang rendah dan ianya tidak menghalang responden untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Hal ini mungkin disebabkan responden sudah dapat menerima normal baharu yang mana pembelajaran perlu dilaksanakan secara dalam talian bagi memastikan semua pelajar tidak ketinggalan. Berdasarkan kepada dapatan ini, banyak kaedah perlu digunakan oleh pensyarah untuk menarik fokus pelajar kepada sesi pembelajaran seperti memberi sedikit masa kepada pelajar untuk membuat persediaan fizikal dan mental. Disebabkan pelajar berada di rumah, pelajar mungkin terpaksa membuat beberapa aktiviti atau menolong ibu bapa yang menyebabkan pelajar mungkin letih. Oleh itu pensyarah boleh memberi peluang dan motivasi kepada pelajar sebelum memulakan topik pembelajaran. Selain itu, pensyarah boleh mengadakan beberapa aktiviti untuk meningkatkan penglibatan dan fokus pelajar yang belajar secara aktif terlibat secara aktif. Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) yang terkandung dalam RMK10 yang kini berada pada fasa 3 (2021 – 2025) jelas menunjukkan bahawa objektif pendidikan berkualiti untuk semua dapat direalisasikan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Ianya akan dapat dicapai memandangkan sekarang negara dilihat telah dapat membina komuniti yang membudayakan e-pembelajaran. Namun begitu kajian ini hanya melibatkan sampel yang kecil sahaja. Kajian boleh diperluaskan lagi dengan melibatkan kumpulan pelajar yang besar di seluruh negara agar dapatan lebih tepat.

Rujukan

- Amin, N. A. M., & Nasri, N. M. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361.
- Bahrom, Z. (2020). Pedagogi norma baharu: cabaran dan hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID III).
- Dicky, W., Salmy, E., & Hairunnizam, W. (2019). Self-Esteem Levels of the Indebted Lower-Income Group and the Role of Organizations in the Plantation Sector. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). Educational research: Consequences for analysis and applications.
- Golladay, R. M., Prybutok, V. R., & Huff, R. A. (2000). Critical success factors for the online learner. *Journal of Computer Information Systems*, 40(4), 69-71.
- Hamzah, M., & Yeop, M. A. (2016). Frog VLE (persekitaran pembelajaran maya) dalam pengajaran dan pembelajaran: Penerimaan dan kaedah pelaksanaannya. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 6(2), 67-77.
- Hidayat, N., & Khotimah, H. (2019). Pemanfaatan teknologi digital dalam kegiatan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran Guru Sekolah Dasar (JPPGuseda)*, 2(1), 10-15.
- Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner readiness for online learning: Scale development and student perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080-1090.
- Kline, T. (2005). *Psychological testing: A practical approach to design and evaluation*. Sage.
- Konting, M. M., Kamaruddin, N., & Man, N. A. (2009). Quality Assurance in Higher Education Institutions: Exit Survey among Universiti Putra Malaysia Graduating Students. *International Education Studies*, 2(1), 25-31.
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology: Methods and techniques*. New Age International.
- Kuswadi, E. (2019). Peran Lingkungan Sekolah dalam Pengembangan Mental Siswa. *EL-BANAT: Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 9(1), 62-78.
- LePine, J. A., LePine, M. A., & Jackson, C. L. (2004). Challenge and hindrance stress: relationships with exhaustion, motivation to learn, and learning performance. *Journal of applied psychology*, 89(5), 883.
- Maghfiroh, A. I. (2018). Strategi Guru Fiqh Dalam Mengatasi Gangguan Komunikasi Pembelajaran Di Mtsn 5 Tulungagung.
- Muali, C., Islam, S., Bali, M. E. I., Baharun, H., Mundiri, A., Jasri, M., & Fauzi, A. (2018, November). Free Online Learning Based on Rich Internet Applications; The Experimentation of Critical Thinking about Student Learning Style. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1114, No. 1, p. 012024). IOP Publishing.
- Muilenburg, L. Y., & Berge, Z. L. (2005). Student barriers to online learning: A factor analytic study. *Distance education*, 26(1), 29-48.
- Petrides, L. A. (2002). Web-based technologies for distributed (or distance) learning: Creating learning-centered educational experiences in the higher education classroom. *International journal of instructional media*, 29(1), 69.
- Piccoli, G., Ahmad, R., & Ives, B. (2001). Web-based virtual learning environments: A research framework and a preliminary assessment of effectiveness in basic IT skills training. *MIS quarterly*, 401-426.

- Pohan, A. E. (2020). *Konsep pembelajaran daring berbasis pendekatan ilmiah*. Penerbit CV. Sarnu Untung.
- Razak, R. A. (2017). Strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.
- Saravanan, A., Veeramuthu, L. P., Rahman, M. L. A., & Harun, J. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Kesan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Secara Dalam Talian. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 58-71.
- Serwatka, J. A. (2003). Assessment in on-line CIS courses. *Journal of Computer Information Systems*, 44(1), 16-20.
- Song, L., Singleton, E. S., Hill, J. R., & Koh, M. H. (2004). Improving online learning: Student perceptions of useful and challenging characteristics. *The internet and higher education*, 7(1), 59-70.
- Wardina, B. N. D., Afifulloh, M., & Dina, L. N. A. B. (2021). Using Online Learning Methods in A Covid19 Pandemic Situation in Class Iii Indonesian Subjects of Mi Tarbiyatut Tholibin. *JPMI: Jurnal Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 3(2), 90-100.